

Modul Pembelajaran Digital Entrepreneurkids Di Tadika

Mazeni Ismail
Abdul Halim Masnan
Universiti Perguruan Sultan Idris UPSI

Email:mazeni@gapps.kptm.edu.my

Abstrak

Dalam konteks perniagaan dan keusahawanan, sikap, kemahiran digital dan penerapan nilai keusahawanan oleh guru prasekolah amat penting menarik minat kanak-kanak. Kajian model pendidikan kewangan awal kanak-kanak yang bersesuaian di Malaysia didapati kurang diberikan penekanan berbanding pada peringkat sekolah menengah. Objektif kajian ini adalah Untuk Mereka bentuk Modul Pendidikan Keusahawanan Digital Kanak-kanak Tadika Golongan B40 berdasarkan kesepakatan pakar dan mempelbagaikan kaedah pengajaran guru ke arah yang lebih kreatif bagi meningkatkan pendidikan keusahawanan digital murid prasekolah. Metodologi: Modul pembelajaran digital entrepreneurkids di tadika dibangunkan berdasarkan tiga fasa Design and Develop Research (DDR). Fasa pertama, iaitu analisis keperluan kandungan modul yang akan dibina dengan melibatkan 80 orang guru Tadika dengan menggunakan soal selidik. Fasa kedua adalah untuk mereka bentuk modul dengan menggunakan kaedah Interpretive Structural Modeling (ISM) berdasarkan keputusan 10 orang panel pakar. Fasa ketiga adalah untuk mengesahkan kebolehgunaan modul tersebut menggunakan kaedah fuzzy Delphi dengan melibatkan seramai 40 orang guru Tadika. Hasil dapatan: Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu para pendidik dan pengusaha untuk menyampaikan ilmu keusahawanan berdasarkan pembinaan Modul Pendidikan Keusahawanan Digital Kanak-kanak Tadika dengan lebih menarik dan berkesan. Reka bentuk modul ini meliputi kandungan, strategi pengajaran, objektif pembelajaran. Kandungan modul ini telah diinovasikan meliputi teks, audio grafik, gambar dan video. Di samping itu, pelaksanaan modul ini dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa, masyarakat dan pihak berkepentingan bagi keperluan generasi ini dalam memastikan kesejahteraan ekonomi yang seimbang berdasarkan gagasan Transformasi Nasional 2050. Modul ini juga sebenarnya telah diterimapakai di beberapa buah Tadika sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam mendidik keusahawanan bagi murid-murid prasekolah. Modul ini juga mudah dicapai dan diakses oleh guru di 16 buah negara.

Kata kunci: Digital Entrepreneurship Education. Model Entrepreneur, Preschool Entrepreneurship

MODUL PEMBELAJARAN DIGITAL ENTREPRENEURKIDS DI TADIKA

Mazeni Binti Ismail,
 Abdul Halim Masnan



KEBOLEHGUNAAN

APLIKASI DIGITAL "ENTREPRENEURKIDS"

RUJUKAN GURU
 TADIKA DI
 MALAYSIA




QR Code dalam
 Modul bagi
 memudahkan
 sesi
 pembelajaran
 interaktif murid



NOVELTY PRODUK "MODUL ENTREPRENEURKIDS"

1. KIT "ENTREPRENEURKIDS" (FIZIKAL & DIGITAL)



Dalam konteks perniagaan dan keusahawanan, sikap, kemahiran digital dan penerapan nilai keusahawanan oleh guru prasekolah amat penting menarik minat kanak-kanak. Kajian model pendidikan kewangan awal kanak-kanak yang bersesuaian di Malaysia didapati kurang diberikan penekanan berbanding pada peringkat sekolah menengah. Inisiatif terhadap pendidikan asas keusahawanan seharusnya diperkenalkan kepada semua individu sejak mereka kecil lagi. Kurangnya pendedahan berkaitan pengurusan kewangan kepada kanak-kanak golongan B40 dari segi kempen atau program di bawah agensi kerajaan boleh memberi kesan terhadap justifikasi kenapa program ini perlu diadakan di Tadika. Rancangan Pengajaran keusahawanan adalah salah satu bahan pengajaran yang penting bagi rujukan pendidik di Tadika. Namun, sering terjadi guru tidak dapat menggunakan rujukan dengan sebaiknya kerana tiada garis panduan dan latihan secukupnya. Menurut kajian, ini berlaku disebabkan kurangnya bahan rujukan, garis panduan dan latihan disediakan. Oleh itu, ilmu berkaitan Keusahawanan digital perlu disebarluaskan kepada semua pendidik bagi membantu pendidik menghasilkan pengajaran dan pembelajaran menarik dan interaktif. Bagi memastikan keberkesanan ilmu yang diberikan, penyampaian yang interaktif, mudah dan menarik perlu ditekankan dalam bahan rujukan pendidik. Modul Pendidikan Keusahawanan Digital Kanak-kanak Tadika Golongan B40 dibentuk berdasarkan kesepakatan pakar untuk membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran ke arah yang lebih kreatif dan meningkatkan pendidikan keusahawanan digital murid prasekolah.

ABSTRAK

OBJEKTIF

Menghasilkan modul keusahawanan digital kepada pendidik menggunakan kaedah penyampaian interaktif digital.

2. PERLAKSANAAN "PROGRAM KELEBIHAN PENGKORMERSILAN

ENTREPRENEURKIDS"

- Latihan guru
- Aktiviti murid
- Penilaian murid

3. Modul interaktif pertama dalam keusahawanan kanak-kanak yang diketengahkan dalam bentuk digital dan permainan digital mengikut KSPK
4. Entrepreneurkids (Digital dan Fizikal)
5. Perlaksanaan Program-Latihan guru, Aktiviti murid dan penilaian murid
6. Mendapat Eisbn daripada Perpustakaan Negara
7. Pembaca dan penulis berpeluang berinteraksi secara terus

1. Fokus pengajaran di Tadika
2. Impak Pembelajaran Murid
3. Kesedaran kepada guru
4. Menjadi rujukan para akademik di Tadika di Malaysia.

INVENTORS



DR MAZENI ISMAIL
 PENYELIDIK
 UNIVERSITI PERGURUAN SULTAN IDRIS



PROF MADYA DR ABDUL HALIM MASNAN
 KETUA PENYELIDIK
 UNIVERSITI PERGURUAN SULTAN IDRIS

1. Boleh diakses di 16 buah negara menggunakan platform digital Kelab Penulis Muda Ebook Malaysia.

2. Diguna oleh Guru-guru Tadika di Malaysia. Telah menjadi panduan modul pengajaran RPA seluruh Malaysia & Indonesia di bawah anjuran Kelab Penulis Muda Ebook Malaysia.



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHRUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR